Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Pupuk budaya membaca capai matlamat selamatkan negara dengan ilmu

Mei 24, 2024 @ 8:32am

Minda Pengarang

KAMAR tanpa buku ibarat tubuh tanpa jiwa, kata ahli falsafah Yunani, Cicero terkenal dengan konsep retorik Ciceronian dalam pengucapan memberikan keupayaan kepada orator mempertahankan diri dan mendepani pengkritik. Tentu sekali ia bertepatan bukan sahaja dalam melahirkan pendebat hebat, bahkan manusia berilmu serta tidak menjadi golongan taasub membabi-buta.

Kata-kata hikmah itu signifikan dengan penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 berlangsung di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur bermula hari ini hingga 2 Jun depan. Disasar menjadi pesta memupuk budaya membaca bermula dari rumah kepada sesi keluarga, ia menawarkan pelbagai genre buku di bawah satu bumbung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sekali lagi dijadualkan melancarkan PBAKL 2024 dan sering mengingatkan rakyat terutama generasi muda menyelamatkan negara dengan ilmu, kesedaran serta semangat membaca pastinya mendapat manfaat besar daripada pandangan Cicero. Ini dizahirkan bukan sahaja dalam ucapannya ketika merasmikan pesta buku berkenaan pada tahun lalu, bahkan keterujaan beliau mengunjungi hampir keseluruhan reruai.

Oleh itu, dengan kehadiran hampir 1,000 pempamer termasuk 14 dari luar negara antaranya Singapura, Thailand, Filipina, India, China, Taiwan dan Iran, manakala Sabah menjadi Negeri Tamu PBAKL, buku ditawarkan tentu merangkumi pelbagai genre dan kategori kepada pembaca dari awal usia hingga warga emas. Semua bacaan pasti akan mengisi jiwa kepada warga, sekali gus meningkatkan wacana awam serta ahli akademik terhadap pelbagai isu dan bidang ilmu.



- Foto hiasan

Bagaimanapun, buku dan semangat membaca semata-mata tidak cukup kerana kita mungkin tidak kehabisan buku dianggarkan 2.2 juta judul baharu diterbitkan setiap tahun tetapi negara memerlukan budaya pembacaan dipimpin secara berilmu oleh ilmuwan sama ada atas kapasiti individu mahupun institusi. Kita tidak mahu keghairahan membaca tersangkut pada tahap trend dan hobi, jauh sekali membawa pembaca kepada kesan kamar gema atau echo chamber hingga seseorang terdedah kepada pandangan sama walaupun salah.

Justeru, kerajaan terutama Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab kepada institusi perpustakaan dan Kementerian Belia dan Sukan perlu mengemukakan dasar dan naratif baharu dalam konteks buku dengan pendanaan boleh dipertanggungjawabkan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta korporat.

Malah, perancangan dan pembinaan dasar serta naratif buku negara perlu mendapat input pelbagai pemegang taruh, termasuk penggerak industri buku dan kandungan digital kerana kita tidak boleh mengabaikan aspek komersial supaya limpahan manfaatnya memperkukuh rantaian daripada penerbit hingga perusahaan hiliran serta huluan.

PBAKL bersama pesta buku lain daripada kedai hingga 'pasar buku' menjadi bahagian penting dalam pembangunan negara bersifat menyeluruh tidak boleh dilepaskan begitu, sebaliknya memerlukan panduan dan bantuan termasuk daripada kerajaan. Apa kita mahu rakyat yang lahir daripada budaya membaca dipimpin ilmu dapat menzahirkan diri sebagai manusia bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.